



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

**GARIS PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN
JANGKA PANJANG (LRGS)
(PINDAAN TAHUN 2025)**

BAHAGIAN KECERMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
No. Tel. : 03-8870 6974/6975

SENARAI KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental	3
BAHAGIAN 1 (PENGENALAN)	
1.1 Pendahuluan	4
1.2 Falsafah	4
1.3 Definisi	4
1.4 Tujuan	4
BAHAGIAN 2 (PERMOHONAN)	
2.1 Syarat Am Permohonan	5
2.2 Bidang Keutamaan Penyelidikan	7
2.3 Tempoh Penyelidikan	8
2.4 Siling Peruntukan	8
2.5 Hasil Penyelidikan	8
2.6 Peraturan Permohonan	9
BAHAGIAN 3 (PENILAIAN)	
3.1 Penilaian Permohonan	11
3.2 Kriteria Penilaian	12
BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	
4.1 Pelaksanaan Penyelidikan	13
4.2 Pemantauan Program/Projek	13
BAHAGIAN 5 (PERATURAN KEWANGAN)	
5.1 Kod Perbelanjaan	17
5.2 Penggunaan Peruntukan	19
BAHAGIAN 6 (KEPUTUSAN)	
6.1 Pemakluman Keputusan dan Penyaluran Peruntukan	21
6.2 Agihan Peruntukan	21
6.3 Perjanjian	21
LAMPIRAN	
Bidang Keutamaan Penyelidikan	23
Carta Alir Permohonan	30
Carta Alir Pemantauan	32

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing
untuk transformasi ilmu dan
kecemerlangan negara

Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan
kapasiti penyelidikan berimpak tinggi
bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap
perkembangan bakat, peningkatan tahap intelektual,
penciptaan teknologi baharu dan
penyuburan peradaban yang dinamik

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi.

1.2 FALSAFAH

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang fokus yang telah dikenalpasti.

LRGS dapat membina kerjasama keserakanan merentasi pelbagai institusi dan bersifat multi disiplin, bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan fundamental dalam bidang-bidang fokus tertentu.

1.3 DEFINISI

LRGS adalah penyelidikan fundamental yang melibatkan skop yang ekstensif dan tempoh masa yang panjang serta memerlukan komitmen yang tinggi. LRGS juga menghasilkan teori dan idea baharu yang terkehadapan dalam bidang-bidang yang strategik untuk perluasan sempadan ilmu.

1.4 TUJUAN

Penyelidikan ini bertujuan untuk memantapkan kecemerlangan dalam penjaan teori, idea baharu dan penciptaan yang inovatif yang terkehadapan dalam bidang-bidang yang strategik demi perkembangan sempadan ilmu.

Hasil penyelidikan LRGS perlu juga mampu diterjemahkan (translational) kepada keberhasilan yang boleh dimanfaatkan oleh pemegang taruh.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPT akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan geran LRGS melalui surat rasmi kepada Universiti Awam. Pihak universiti perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPT. Carta alir bagi proses permohonan adalah seperti di **Rajah 1**.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada **kakitangan akademik di Universiti Awam** dengan syarat-syarat berikut:

2.1.1 Ketua Program hendaklah warganegara Malaysia.

2.1.2 Kriteria Ketua Program

2.1.2.1 Kakitangan akademik (Profesor/Profesor Madya) bertaraf tetap dengan kelayakan yang bersesuaian dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut.

2.1.3 Kriteria Ketua Projek

2.1.3.1 Kakitangan akademik (Profesor/Profesor Madya) bertaraf tetap/kontrak dengan kelayakan yang bersesuaian bagi mengetuai projek.

2.1.3.2 Minimum dua (2) orang Ketua Projek (kakitangan akademik bertaraf tetap/kontrak) hendaklah warganegara Malaysia.

2.1.3.2 Ketua Projek (kakitangan akademik bertaraf tetap/kontrak) dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari universiti yang sama.

2.1.3.3 Sekiranya, Ketua Projek (kakitangan akademik) bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari universiti yang sama.

- 2.1.4 Program ini mestilah melibatkan tiga (3) universiti dan bersifat antara disiplin (interdisciplinary).
- 2.1.5 Setiap pemohon hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) program/projek sahaja pada setiap fasa.
- 2.1.5 Permohonan baharu (sebagai Ketua Program dan Ketua Projek) bagi mereka yang telah diluluskan LRGS (sebagai Ketua Program dan Ketua Projek) pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan bukti projek tersebut telah selesai sepenuhnya (100%) dan disahkan oleh RMC Institusi serta telah selesai membentangkan Laporan Akhir kepada Jawatankuasa yang dilantik.
- 2.1.6 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabbatical (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.7 Tempoh perkhidmatan Ketua Program dan Ketua Projek mestilah berbaki sekurang-kurangnya empat (4) tahun di universiti masing-masing pada tarikh tutup permohonan kertas konsep.
- 2.1.8 Penyelidikan dan penghasilan bakat mestilah dilakukan dalam negara.
- 2.1.9 Pemohon dimestikan untuk berkolaborasi dengan pihak Industri/Kementerian/Agensi/NGO yang berkaitan bagi melaksanakan penyelidikan tersebut (bukti dokumen adalah LOI, MOU, MOA dan lain-lain dokumen yang berkaitan).
- 2.1.10 Pemohon dimestikan untuk mengemukakan bukti carian paten (patent search) bagi setiap permohonan (jika bersesuaian).
- 2.1.11 Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama, sekiranya program/projek penyelidikan diluluskan.

2.2 BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

2.2.1 Kluster Penyelidikan (Research Cluster)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu Kluster Penyelidikan seperti berikut:

- (a) Sekuriti dan Keselamatan Makanan (Food Safety & Security)
- (b) Infrastruktur Asas (Basic Infrastructure)
- (c) Perubahan Iklim dan Alam Sekitar (Climate Change & Environment)
- (d) Kesihatan (Health)
- (e) Pendidikan dan Masyarakat Madani Celik Ilmu (Education & Knowledgeable Civil Society)
- (f) Keselamatan Negara (National Security)
- (g) Kesejahteraan Sosial dan Ekonomi (Social & Economic Wellbeing)
- (h) Teknologi Terkehadapan & Pembuatan Termaju (Frontier Technologies & Advanced Manufacturing)

Permohonan kertas cadangan penyelidikan perlulah mengikut *call for proposals* yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT pada tahun tersebut.

2.2.2 Domain Penyelidikan (Research Domain)

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan domain penyelidikan seperti berikut:

- (a) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences)
- (b) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering)
- (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences)
- (d) Sains Sosial (Social Sciences)
- (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts)
- (f) Warisan dan Alam Sekitar (Environment and Heritage)
- (g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology).

2.2.3 Permohonan ini juga hendaklah memenuhi:

- (i) 17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI
- (ii) Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy)

- (iii) Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs - Sustainable Development Goals)
- (iv) Kementerian yang berkaitan dengan projek yang ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya).

Perincian ini boleh dirujuk di Lampiran A.

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah **tiga (3) tahun**.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon bagi keseluruhan program hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM3,000,000.00 setiap program**.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Bakat

Program LRGS disyaratkan untuk menghasilkan pelajar pascasiswazah (Ph.D atau Sarjana) mod penyelidikan sepenuh masa yang berpadanan dengan skop penyelidikan.

2.5.2 Penerbitan

Setiap program mesti menghasilkan penerbitan dalam jurnal terindeks. Bilangan penerbitan mestilah berpadanan dengan skop penyelidikan. Sebahagian penerbitan mestilah diterbitkan dalam jurnal terindeks Q1 atau Q2 WOS. Bagi artikel berbentuk sorotan literatur (review article) tidak boleh melebihi 20% daripada semua jumlah penerbitan di bawah sesuatu program. Penghargaan kepada geran LRGS, KPT mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.5.3 Harta Intelekt

2.5.3.1 Setiap program LRGS perlu menghasilkan harta intelek yang berpadanan dengan skop penyelidikan. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt

yang dihasilkan daripada geran LRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan universiti berkenaan.

- 2.5.3.2 Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab universiti berkenaan (tertakluk kepada klausa kontrak).

2.5.4 Hasil Pengkomersialan

- 2.5.4.1 Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh LRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- 2.5.4.2 Untuk universiti awam, hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada. Sekiranya ahli projek bukan dari universiti awam, hak di bawah hasil pengkomersialan hendaklah dibutirkan dengan jelas mengikut polisi pengkomersialan sedia ada.

2.5.5 Serahan Hasil Penyelidikan (Research Deliverables)

Penyelidikan yang dilaksanakan perlu menghasilkan serahan hasil penyelidikan (research deliverables) yang berpotensi untuk diterjemahkan dan dimanfaatkan dengan berpanduan kepada *call for proposals* yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT pada tahun berkenaan.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 2.6.1 Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya **satu permohonan program/projek sahaja** pada setiap fasa.

- 2.6.2 Permohonan LRGS akan melalui dua (2) fasa seperti berikut:

2.6.2.1 Kertas Konsep (Concept Paper)

- Kertas konsep akan dinilai dan disenarai pendek bagi penyediaan kertas cadangan penyelidikan (full proposal).

2.6.2.2 Kertas Cadangan Penyelidikan (Full Proposal)

- Kertas cadangan penyelidikan perlu disediakan dan dikemukakan sekiranya permohonan kertas konsep berjaya disenarai pendek.
- Permohonan kertas cadangan penyelidikan yang telah dinilai dan disenarai pendek akan dipelawa untuk membuat pembentangan.
- Kertas cadangan penyelidikan wajib dibentangkan oleh Ketua Program bersama dengan setiap Ketua Projek.

2.6.3 Penilaian dijalankan oleh Panel Penilai yang dilantik oleh JPT, KPT. Keputusan penilaian adalah muktamad.

2.6.4 Penyelidik bertanggungjawab mengemaskini profil peribadi. Profil penyelidik merupakan rujukan bagi penilaian kepatuhan terhadap syarat permohonan.

2.6.5 Permohonan LRGS dibuka kepada program penyelidikan yang menepati syarat-syarat dan bidang penyelidikan seperti di Para 2.1, Para 2.2, Para 2.3 dan Para 2.4.

2.6.6 Semua permohonan hendaklah diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di universiti masing-masing.

2.6.7 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran LRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN PERMOHONAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)

- 3.1.1.1 Penilaian kertas konsep dan kertas cadangan penyelidikan (full proposal) bagi permohonan program LRGS hendaklah dilaksanakan di peringkat universiti;
- 3.1.1.2 Pihak universiti perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai Dalaman). Pelantikan penilai perlu menepati kriteria yang ditetapkan oleh JPT, KPT;
- 3.1.1.3 Setiap kertas konsep dan kertas cadangan penyelidikan (full proposal) perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang penilai;
- 3.1.1.4 Penilai perlu meneliti permohonan yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- 3.1.1.5 Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat universiti.

3.1.2 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPT

- 3.1.2.1 Penilaian kertas konsep dan kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan program LRGS akan dilaksanakan di peringkat JPT, KPT;
- 3.1.2.2 Setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing;

- 3.1.2.3 Jawatankuasa Penilaian akan memperakukan permohonan program yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Teknikal LRGS yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk kelulusan; dan
- 3.1.2.4 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPT.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

- 3.2.1 Cadangan penyelidikan yang akan dilaksanakan hendaklah menepati *call for proposals* yang berkenaan.
- 3.2.2 Penilaian permohonan geran LRGS mestilah memenuhi kriteria penilaian yang dinyatakan dalam setiap *call for proposals* yang ditetapkan oleh JPT, KPT pada tahun tersebut. Antara kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:
 - 3.2.2.1 Merit Saintifik (Scientific Merit);
 - 3.2.2.2 Output Program/Projek (Programme/Project Output);
 - 3.2.2.3 Kecekapan Kumpulan Penyelidik (Competency of Research Teams);
 - 3.2.2.4 Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi (Research and Innovation Ecosystem);
 - 3.2.2.5 Potensi Translasi (Translational Potential); dan
 - 3.2.2.6 Penilaian Risiko dan Carian Paten (Risk Assessment and Patent Search).

BAHAGIAN 4

PEMANTAUAN

4.1 PELAKSANAAN PENYELIDIKAN

Program dan projek penyelidikan perlu dilaksanakan bermula pada tarikh yang ditetapkan oleh JPT, KPT dan hendaklah mengikut kertas cadangan penyelidikan (full proposal) yang telah diluluskan. Pihak universiti dan penyelidik perlu mematuhi peraturan dan syarat LRGS serta lain-lain ketetapan daripada JPT, KPT.

Pihak universiti dan penyelidik perlu memastikan sebarang perubahan terhadap kertas cadangan penyelidikan (full proposal) mematuhi tadbir urus yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT.

4.2 PEMANTAUAN PROGRAM/PROJEK

Pemantauan bagi setiap program dan projek penyelidikan perlu mematuhi semua kaedah pemantauan yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan program dan projek penyelidikan adalah dipertanggungjawabkan kepada RMC setiap universiti. Carta Alir Pemantauan bagi LRGS adalah seperti di **Rajah 2**.

4.2.1 Pemantauan Berjadual

Setiap program dan projek penyelidikan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh program dan projek penyelidikan aktif. Penghantaran laporan prestasi kepada JPT, KPT dilaksanakan setiap enam (6) bulan.

4.2.1.1 Penghantaran laporan prestasi dan kewangan bagi program dan projek LRGS adalah:-

- (a) Pelaporan pada bulan Februari perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Disember pada tahun sebelum; dan
- (b) Pelaporan pada bulan Ogos perlu dikemaskini mengikut pencapaian sehingga Jun pada tahun yang sama.

4.2.1.2 Borang-borang yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- (a) Borang Laporan Prestasi Program dan Projek LRGS (Secara Atas Talian melalui Sistem MyGRANTS)
 - Laporan Prestasi Program mestilah diisi dengan lengkap oleh Ketua Program dan dihantar kepada RMC universiti peneraju untuk semakan dan pengesahan;
 - Laporan Prestasi Projek mestilah diisi dengan lengkap oleh Ketua-ketua Projek di bawah Program tersebut dan dihantar kepada RMC di universiti masing-masing untuk semakan dan pengesahan, dan seterusnya dipanjangkan kepada RMC universiti peneraju untuk penyelarasan;
 - Laporan Prestasi Program dan Projek seterusnya perlu dipanjangkan oleh universiti peneraju kepada Urus Setia LRGS.
- (b) Borang Laporan Keseluruhan LRGS
 - Laporan Keseluruhan LRGS mengikut fasa bagi Program dan Projek perlu dilengkapi dan diselaraskan oleh RMC universiti peneraju;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC universiti peneraju secara salinan digital dan satu (1) salinan cetak kepada urus setia LRGS JPT, KPT;
 - Laporan ini perlu disertakan bersama-sama Borang Laporan Kewangan LRGS dan Borang Laporan Pencapaian LRGS.
- (c) Borang Laporan Kewangan LRGS
 - Laporan Kewangan LRGS mengikut fasa bagi Program dan Projek perlu disahkan oleh Bendahari universiti masing-masing;
 - Laporan Kewangan LRGS yang lengkap mengikut fasa bagi Program dan Projek perlu diselaraskan oleh RMC universiti peneraju;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC universiti peneraju secara salinan digital dan satu (1) salinan cetak kepada urus setia LRGS JPT, KPT;

- (d) Borang Laporan Pencapaian LRGS
 - Laporan Keseluruhan Pencapaian Program dan Projek LRGS yang lengkap mengikut fasa perlu diselaraskan oleh RMC universiti peneraju;
 - Laporan perlu dihantar oleh RMC universiti peneraju secara salinan digital dan satu (1) salinan cetak kepada urus setia LRGS JPT, KPT;
- (e) Pemantauan tahunan akan dilakukan secara pembentangan kepada Panel Penilai KPT.

4.2.2 Pemantauan Tidak Berjadual

4.2.2.1 Setiap projek penyelidikan juga tertakluk kepada pemantauan tidak berjadual mengikut ketetapan dan keperluan JPT, KPT seperti berikut:

- (a) Lawatan tapak dan pengauditan;
- (b) Pelaporan semula berdasarkan syor dan keperluan mengikut syarat yang ditentukan JPT, KPT.

4.2.2.2 JPT, KPT juga berhak memanggil pihak universiti untuk pelaporan tidak berjadual melalui apa-apa kaedah yang bersesuaian seperti pembentangan projek penyelidikan.

4.2.3 Laporan Akhir

Ketua Program dan Ketua Projek perlu melengkapkan Laporan Akhir Projek (secara dalam talian melalui Sistem MyGRANTS) dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek atau tarikh projek ditamatkan. Laporan ini mestilah berdasarkan kepada hasil penyelidikan dari program/projek LRGS yang diluluskan sahaja. Laporan Akhir ini merangkumi perkara-perkara berikut:

4.2.3.1 Dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:-

- (a) Borang Laporan Akhir Program dan Projek (Sistem MyGRANTS);
- (b) Laporan perlu dibukukan merangkumi pengenalan, kajian kepustakaan, metodologi dan lain-lain yang berkaitan;

- (c) Laporan Keuangan yang disahkan oleh Bendahari universiti;
- (d) Laporan aset;
- (e) Hasil penyelidikan disertakan dokumen bukti (output dan serahan hasil penyelidikan)
- (f) Infografik hasil penyelidikan; dan
- (g) Video impak program penyelidikan LRGS berdurasi 3 minit mengikut format yang ditetapkan JPT, KPT.

BAHAGIAN 5

PERATURAN KEWANGAN

5.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan bagi geran LRGS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

5.1.1 Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA)

Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) mod penyelidikan sepenuh masa. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,800.00 untuk pelajar Ph.D dan RM2,300.00 untuk pelajar Sarjana.

Pemotongan elaun GRA bagi tujuan pembayaran caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) adalah tidak dibenarkan.

5.1.2 Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan

5.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

5.1.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- (a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Ketua Penyelidik dan ahli dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah tahap pengajian PhD juga dibenarkan mengikuti persidangan untuk membentangkan kertas kerja berkaitan dengan penyelidikan mereka.
- (b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan untuk membentangkan hasil penyelidikan.

- (c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- (d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti masing-masing.
- (e) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 10% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

5.1.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 25% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.3 **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.4 **Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.5 **Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai**

5.1.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

5.1.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

5.1.6 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

5.1.6.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran penerbitan, yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

Bayaran penerbitan artikel merangkumi yuran penerbitan, semakan pruf (proof reading), terjemahan, dan penyuntingan (editing) terhadap RM10,000.00 sahaja bagi setiap projek penyelidikan.

5.1.6.2 Perkhidmatan Khas/Belanja Pakai Habis

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah sekurang-kurangnya dua (2) minggu dan tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan adalah tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.1.7 Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

5.1.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan; dan

5.1.7.2 Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

5.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

5.2.1 Segala perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada pekeliling dan prosedur yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti.

- 5.2.2 Sebut harga yang diperoleh daripada penjual dalam talian (online) seperti Shopee, Lazada dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.3 Ketua Projek tidak dibenarkan menggunakan peruntukan geran bagi pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 5.2.4 Pembelian/penggunaan peruntukan geran penyelidikan ini yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:-
- (a) Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
 - (b) Pembelian peralatan storan data (seperti external hard disk/pendrive/CD/storan awan dan seumpamanya);
 - (c) Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
 - (d) Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
 - (e) Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
 - (f) Pembelian peralatan pejabat (seperti meja/kerusi dan seumpamanya);
 - (g) Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di institusi masing-masing;
 - (h) Penganjuran persidangan, simposium dan lain-lain;
 - (i) Pameran atau pertandingan inovasi; dan
 - (j) Lain-lain pembelian/penggunaan peruntukan yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.
- 5.2.5 Walau bagaimanapun, sekiranya butiran (a) hingga (c) di perenggan 5.2.4 adalah penting dan berkait secara langsung dengan projek penyelidikan, Ketua Projek hendaklah memohon dalam kertas cadangan penyelidikan berserta justifikasi keperluan yang kukuh dan jelas.
- 5.2.6 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

6.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN DAN PENYALURAN PERUNTUKAN

- 6.1.1 Pemakluman keputusan akan dihantar kepada Naib Canselor dan disalin kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Bendahari universiti.
- 6.1.2 Dana akan disalurkan kepada Bendahari/Kewangan universiti berdasarkan jumlah yang diluluskan dalam surat pemakluman keputusan.
- 6.1.3 Pihak Institusi bertanggungjawab untuk memastikan pemohon yang berjaya masih kekal berkhidmat di institusi terbabit semasa keputusan dimaklumkan.
- 6.1.4 Keputusan Jawatankuasa Penilaian LRGS KPT adalah muktamad.

6.2 AGIHAN PERUNTUKAN

Agihan peruntukan dari universiti induk kepada universiti projek hendaklah dilaksanakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh peruntukan diterima daripada KPT.

6.3 PERJANJIAN

6.3.1 Dokumen Perjanjian

- (a) Perjanjian LRGS dimeterai di antara Kementerian (diwakili oleh JPT) dengan institusi penerima geran bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- (b) Pihak institusi hendaklah memastikan dokumen perjanjian ditandatangani oleh Naib Canselor/Rektor/Ketua Eksekutif atau wakil yang diberi penurunan kuasa bagi pihak Institusi dan mengemukakan dua (2) salinan asal dokumen perjanjian kepada JPT untuk tindakan selanjutnya. Surat penurunan kuasa hendaklah dilampirkan bersama Dokumen Perjanjian tersebut.

- (c) Pihak institusi tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang pindaan terhadap dokumen perjanjian.
- (d) Dokumen Perjanjian hendaklah dimatikan setem dan duti dibiayai oleh institusi.

6.3.2 Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan

- (a) Surat Akuan Menjalankan Penyelidikan adalah ikatan/perjanjian antara institusi penerima geran dengan penyelidik bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- (b) Penyediaan ikatan/perjanjian ini adalah di bawah penyeliaan dan tanggungjawab institusi masing-masing. Satu (1) salinan ikatan perjanjian yang lengkap ditandatangani oleh penyelidik perlu disertakan bersama dokumen perjanjian dan dikemukakan kepada JPT untuk direkodkan.

Bidang Keutamaan Penyelidikan

Domain Penyelidikan (Research Domain)

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan Domain Penyelidikan seperti berikut:-

(a) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering);

Kejuruteraan (Engineering)

- i. Mekanikal dan Pembuatan (Mechanical and Manufacturing)
- ii. Kejuruteraan Kimia dan Proses (Chemical and Process Engineering)
- iii. Elektrik dan Elektronik (Electrical and Electronic)
- iv. Aeroangkasa (Aerospace)
- v. Bahan dan Polimer (Material and Polymer)
- vi. Awam dan Struktur (Civil and Structural)

Teknologi (Technology):

- i. Tenaga dan Teknologi Hijau (Energy and Green Technology)
- ii. Pembinaan dan Bahan Binaan (Construction and Construction Materials)
- iii. Infrastruktur dan Pengangkutan (Infrastructure and Transportation)
- iv. Sistem Fizikal Keselamatan (Security Physical System)

(b) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology);

- i. Perisian (Software)
- ii. Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)
- iii. Rangkaian Komputer (Computer Network)
- iv. Sistem Maklumat (Information System)
- v. Teori Pengkomputeran (Theory of Computation)
- vi. Reka bentuk Perkakasan (Hardware Design)
- vii. Sains Data dan Data Analitik (Data Science and Data Analytics)
- viii. Keselamatan Siber (Cyber Security)
- ix. Pengkomputeran Awan dan Internet Benda (Cloud Computing & IoT)
- x. Realiti Maya, Realiti Terimbuh dan Multimedia (Virtual Reality, Augmented Reality and Multimedia)

(c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical and Health Sciences);

- i. Sains Perubatan Asas (Basic Medical Sciences)
- ii. Kajian Klinikal (Clinical Studies)
- iii. Perubatan (Medicine)
- iv. Pembedahan (Surgery)
- v. Onkologi (Oncology)
- vi. Perubatan Komuniti (Community Medicine)
- vii. Perubatan Pencegahan (Preventive Medicine)
- viii. Sains Kesihatan (Health Science)

- ix. Pergigian (Dental)
- x. Mikrobiologi Perubatan (Medical Microbiology)
- xi. Kejururawatan (Nursing)
- xii. Parasitologi (Parasitology)
- xiii. Patologi (Pathology)
- xiv. Farmasi (Pharmacy)
- xv. Farmakologi (Pharmacology)

(d) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences);

- i. Biokimia (Biochemistry)
- ii. Bioteknologi (Biotechnology)
- iii. Biologi (Biology)
- iv. Kimia (Chemistry)
- v. Sains Bahan (Materials Science)
- vi. Matematik dan Statistik (Mathematics and Statistics)
- vii. Fizik (Physics)
- viii. Geologi dan Geosains (Geology and Geoscience)

(e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts);

- i. Bahasa dan Linguistik (Language and Linguistic)
- ii. Kesusasteraan (Literature)
- iii. Agama (Religion)
- iv. Falsafah (Philosophy)
- v. Ketamadunan (Civilization)
- vi. Sejarah (History)
- vii. Seni (Art)
- viii. Budaya (Culture)
- ix. Pendidikan (Education)
- x. Pendidikan Orang Asli (Orang Asli Education)
- xi. Polisi dan Undang-Undang (Policies and Law)
- xii. Alam Bina (Built Environment)

(f) Sains Sosial (Social Sciences);

- i. Antropologi (Anthropology)
- ii. Psikologi (Psychology)
- iii. Sosiologi (Sociology)
- iv. Sains Politik (Political Science)
- v. Perniagaan (Termasuk Perakaunan, Kewangan, Pemasaran, Keusahawanan) (Business (Including Accounting, Finance, Marketing, Entrepreneurship))
- vi. Pengurusan (Tingkah laku Organisasi) (Management (Organisational Behaviour))
- vii. Geografi (Geography)
- viii. Ekonomi (Economics)
- ix. Komunikasi (Communication)
- x. Kajian Etnik (Ethnography)

- (g) Warisan dan Alam Sekitar (Environment and Heritage);
- i. Pelancongan (Tourism)
 - ii. Alam Sekitar (Environment)
 - iii. Perhutanan (Forestry)
 - iv. Pertanian (Agriculture)
 - v. Marin (Marine)
 - vi. Arkeologi (Archaeology)
 - vii. Geosains (Geoscience)
 - viii. Kajian Etnik (Ethnography)
 - ix. Warisan (Heritage)
 - x. Budaya (Culture)
 - xi. Kepelbagaian Biologi (Biodiversity)
 - xii. Kulinari (Culinary)
 - xiii. Perubatan Alternatif (Alternative Medicine)
 - xiv. Geomatik / Geoinformatik / Penderiaan Jauh (Geomatics/ Geoinformatics/ Remote Sensing)
 - xv. Sains Angkasa (Space Science)

17 Anjakan Besar dalam Ekonomi MADANI

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada 17 Anjakan Besar (*Big Bold*) Ekonomi MADANI seperti berikut:-

- i. Tatakelola dan rangka Kerja Institusi (Governance and Institutional Framework);
- ii. Perundangan Berkaitan Rasuah (Legislation Related to Corruption);
- iii. Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan (Fiscal Sustainability and Financial System);
- iv. Industri *High Growth High Value* (HGHV) berasaskan peralihan Tenaga (HGHV Industry Based on Energy Transition);
- v. Subsidi Bersasar (Targeted Subsidies);
- vi. Pembudayaan Masyarakat Madani (Enculturation of MADANI Society)
- vii. Reformasi Perlindungan Sosial (Social Protection Reform);
- viii. Perumahan untuk Rakyat (Housing for the Rakyat);
- ix. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan (Strengthening Healthcare Services);
- x. Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara (Strengthening National Security and Defense);
- xi. Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital (Digital- and Technology-based HGHV Industries);
- xii. Industri HGHV E&E bernilai tinggi (High value E&E HGHV Industry);
- xiii. HGHV pertanian dan industri asas tani (Agriculture and Agro-based Industry);
- xiv. Industri HGHV nadir bumi (Rare Earths HGHV Industry);
- xv. Pernerakasaan PMKS dan Perusahaan sosial (Empowering MSMEs and Social Enterprises);
- xvi. Pengukuhan jaringan pengangkutan awam (Streamlining the Public Transport Network); atau
- xvii. Ketersediaan bakat masa hadapan (Future-ready Talent).

Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE - Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada sepuluh (10) Pemacu Sosioekonomi seperti berikut:-

- i. Tenaga (Energy);
- ii. Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (Business and Financial Services);
- iii. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Culture, Arts and Tourism);
- iv. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (Medical and Healthcare);
- v. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing));
- vi. Bandar Pintar dan Pengangkutan (Smart Cities and Transportation)
- vii. Air dan Makanan (Water and Food);
- viii. Pertanian dan Perhutanan (Agriculture and Forestry);
- ix. Pendidikan (Education); atau
- x. Alam Sekitar dan Biodiversiti (Environment and Biodiversity).

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs – Sustainable Development Goals)


Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:-


- SDG 1 - Tiada Kemiskinan (No Poverty);
- SDG 2 - Kelaparan Sifar (Zero Hunger);
- SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (Good Health and Well-being);
- SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (Quality Education);
- SDG 5 - Kesaksamaan Gender (Gender Equality);
- SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (Clean Water and Sanitation);
- SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (Affordable and Clean Energy);
- SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (Decent Work and Economic Growth);
- SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (Industry, Innovation and Infrastructure);
- SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (Reduced Inequalities);
- SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (Sustainable Cities and Communities);
- SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (Responsible Consumption and Production);
- SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (Climate Action);
- SDG 14 - Kehidupan dalam Air (Life below Water);
- SDG 15 - Kehidupan di Darat (Life on Land);
- SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (Peace, Justice and Strong Institutions);
- SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (Partnerships for the Goals); atau
- Others - Kebahagiaan dan Keharmonian Masyarakat (Societal Harmony and Happiness).

Kementerian yang berkaitan projek dengan projek penyelidikan ingin dijalankan (termasuk agensi di bawahnya).


Ketua Projek hendaklah mengenal pasti dan memilih salah satu yang berkaitan:

JPM	-	Jabatan Perdana Menteri
KDN	-	Kementerian Dalam Negeri
MOF	-	Kementerian Kewangan
MINDEF	-	Kementerian Pertahanan
KPM	-	Kementerian Pendidikan
KKDW	-	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPT	-	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPKT	-	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MOT	-	Kementerian Pengangkutan
MAFS	-	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
KESUMA	-	Kementerian Sumber Manusia
KPWKM	-	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
KUSKOP	-	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
NRES	-	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Malaysia
KPDN	-	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
KLN	-	Kementerian Luar Negeri Malaysia
MPIC	-	Kementerian Perlindungan dan Komoditi
MOSTI	-	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MITI	-	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOTAC	-	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
KKR	-	Kementerian Kerja Raya
KPN	-	Kementerian Perpaduan Negara
KKMM	-	Kementerian Komunikasi
MoD	-	Kementerian Digital
PETRA	-	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
EKONOMI	-	Kementerian Ekonomi





Rajah 1: Carta Alir Permohonan LRGS



Rajah 2: Carta Alir Pemantauan LRGs

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:

**SEKSYEN PENGURUSAN PENYELIDIKAN
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
NO. TEL. : 03-8870 6974 / 6975**